

D706

U B747 DEB  
MAHATHIR - DEMOKRASI RRR RRR

IPOH, 22 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENOLAK AMALAN DEMOKRASI +ALA BARAT+ YANG DISIFATKANNYA MEMBERI KEBEBASAN SEPENUHNYA KEPADA ANGGOTA BERBUAT APA SAHAJA.

PERDANA MENTERI BERKATA ADA SESETENGAH PIHAK YANG BERPENDAPAT MEREKA BOLEH BERBUAT APA SAHAJA MENGIKUT PRINSIP DEMOKRASI TANPA MEMIKIRKAN IMPLIKASI LAIN.

+JIKA INI BERLAKU, MAKA KUCAR-KACIRLAH PARTI APABILA PARA ANGGOTA HENDAK MEMPERGUNAKAN HAK MASING-MASING,+ KATA BELIAU KETIKA BERUCAP KEPADA PARA PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN TAMBUN DI SINI HARI INI.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO SINGGAH DI SINI DALAM PERJALANAN PULANG KE KUALA LUMPUR SELEPAS MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN PASIR SALAK DI TELUK INTAN.

KATANYA, KEBEBASAN MENGIKUT DEMOKRASI ALA BARAT MEMBENARKAN MEREKA BERBUAT APA SAHAJA TERMASUK +KERJA-KERJA GANJIL ATAU HENDAK BERJALAN BOGEL SEKALIPUN, ITU HAK INDIVIDU.+ -- LAGI.  
1514MST 22 03 87

D707

U B748 DEB  
MAHATHIR - DEMOKRASI 2 IPOH RRR RRR

+AKAN TETAPI KITA ORANG MELAYU BERSOPAN DAN MENGAMALKAN ADAT RESAM SENDIRI. YANG KITA BUAT TERTAKLUK KEPADA ADAT RESAM ORANG MELAYU,+ KATA PERDANA MENTERI.

+ADAT PENTING KERANA ADATLAH KITA MEMBUAT SESUATU SEPERTI ORANG MELAYU DAN SEBAGAI CONTOH ORANG MELAYU BERJALAN DI HADAPAN ORANG LAIN DENGAN MEMBONGKOKKAN SEDIKIT BADAN SEOLAH-OLAH MEMINTA IZIN LALU.+

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, AMALAN DEMOKRASI DALAM PARTI SEWAJARNYA TERTAKLUK KEPADA ADAT RESAM MELAYU.

SEMASA BERUCAP KIRA-KIRA 15 MINIT ITU, PERDANA MENTERI MENYENTUH CURI KEBURUKAN DEMOKRASI ALA BARAT YANG ANTARANYA BERUSAHA MENJATUHKAN PEMIMPIN YANG DIPILIH WALAUPUN PADA MULANYA MENYOKONG PEMIMPIN ITU.

MEREKA AKAN MENCACI PEMIMPIN ITU DAN MENJALANKAN PELBAGAI IKHTIAR UNTUK MENJATUHKANNYA DENGAN MENGGUNAKAN KEBEBASAN ITU WALAUPUN PADA PERINGKAT AWAL MEREKA BERUSAHA MENONJOLKAN PEMIMPIN ITU. -- LAGI.

1316MST 22 03 87

D708

U B749 DEB  
MAHATHIR - DEMOKRASI 3 IPOH RRR RRR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP PARA ANGGOTA UMNO MENGEKALKAN KESOPANAN DAN KETERTIBAN SEMASA MELAKSANAKAN KEWAJIPAN TERUTAMA MENJAYAKAN MATLAMAT PERJUANGAN SERTA MENGHADAPI MUSUH LUAR.

KALAU PARA ANGGOTA PARTI TIDAK BERSATU, SUKARLAH UNTUK MENANGKIS TUJUAN MUSUH-MUSUH DAN MENAMBAH KATA, BELIAU SEDIH AKAN PERGOLAKAN DALAM UMNO SEKARANG.

YANG TURUT MENGHADIRI MAJLIS IALAH KETUA UMNO BAHAGIAN DR NAWAWI MAT AWIN. -- BERNAMA.

1317MST 22 03 87